

PENDIDIKAN SENI MUZIK DI SEKOLAH RENDAH SEBELUM
DAN SELEPAS KBSR

SHAKIRA IRFAH BT ABDULLAH
99385138

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
2002

PENGHARGAAN

Alhamdullilah berkat dengan limpah kurnia Allah s.w.t akhirnya penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Hasil tulisan ini didedikasikan khas kepada mak dan abah serta keluarga yang banyak berkorban demi kejayaan saya. Sejuta penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Ramona Tahir selaku penasihat penulisan tesis ini. Segala bimbangan dan tunjuk ajar dalam melaksanakan tesis ini didahului dengan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga. Begitu juga dengan tokoh-tokoh yang memberikan kerjasama dalam memberikan maklumat, tanpa mereka sudah pasti penulisan tesis ini tidak akan dapat disiapkan. Tidak lupa rakan-rakan seperjuangan Rithaudin, Megat, Abdullah, Peter dan Siti Aisyah yang banyak berkongsi pengalaman suka duka sewaktu tesis ini dijalankan. Sokongan padu yang yang tidak berbelah bagi dari kalian akan dijadikan kenangan manis seumur hidup dan tidak akan dilupakan.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

Bab

1. PENGENALAN	1
Latar belakang	1
Tujuan	4
Kaedah	6
Organisasi Kajian	8
Skop Kajian	8
2. SEJARAH PENDIDIKAN DI MALAYSIA	10
Sebelum-KBSR (1956-1982)	17
KBSR (1982 hingga kini)	23
3. PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH RENDAH SATU TINJAUAN .	32
Soalan 1	34
Soalan 2	37
Soalan 3	40
Soalan 4	43
Soalan 5	46
Soalan 6	47
Soalan 7	50

4. SINTESIS MAKLUMAT	52
Sejarah awal Pendidikan Muzik di Malaysia	53
Pembentukan KBSR	56
Masalah perlaksanaan KBSR	58
Pandangan secara umum mengenai KBSR	61
5. RINGKASAN, RUMUSAN, DAN SARANAN	63
Bibliografi	67
Lampiran	69

BAB 1

PENGENALAN

Latarbelakang

Menyebut tentang frasa Pendidikan Seni Muzik sudah pasti terbayang akan aktiviti menyanyi, bermain alat muzik serta pembelajaran notasi muzik antara seorang guru bersama murid-muridnya tidak kira samada di dalam bilik darjah, padang ataupun rumah. Hal yang demikian juga menyebabkan kita memikirkan tentang bagaimana Pendidikan Muzik dijalankan atau diaplikasikan di negara ini. Namun terdapat petikan yang menunjukkan aktiviti pembelajaran muzik telah dijalankan di negara ini walaupun secara tidak formal. Petikan itu menyebut:

Pada zaman Jepun 1941-1945, kebanyakkan sekolah ditutup dan pemerintahan Jepun telah menggunakan sekolah-sekolah ini untuk mengajar bahasa Jepun, nyanyian lagu-lagu Jepun dan aktiviti pemupukan setia... (Kuala Lumpur : Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah, 1993), 227.

Untuk melihat perkembangan Pendidikan Muzik di negara ini dari sudut sejarah adalah agak sukar memandangkan buku dan penulisan mengenai Pendidikan Muzik sangat terhad. Sejarah Pendidikan Muzik ini sangat penting untuk diketahui pembaca khususnya kaum pendidik muzik. Bagi mengetahui sistem pendidikan di Malaysia, kita biasanya merujuk kepada sejarah pendidikan formal di negara ini. Jika dilihat kepada sejarah, Pendidikan Muzik secara formal dijalankan di negara ini sejak 1983 iaitu selaras dengan wujudnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah diperkenalkan pada waktu itu. Walaupun begitu, Pendidikan Muzik itu sendiri telah mula wujud di dalam